



Aplikasi **myHRMIS Profil** membolehkan penjawat awam membuat semakan terhadap maklumat peribadi seperti yang telah dikunci masuk ke dalam Aplikasi HRMIS. Pengguna yang telah mendaftar dengan MyHRMIS Cuti tidak perlu mendaftar semula untuk aplikasi ini.

Fungsi dalam Aplikasi MyHRMIS Profil:

1. Maklumat Peribadi
2. Maklumat Pendidikan
3. Maklumat Keluarga
4. Maklumat Anugerah
5. Maklumat Sejarah Perkhidmatan
6. Maklumat Profil Perkhidmatan
7. Maklumat Latihan



Aplikasi **myHRMIS eGL** memaparkan rekod Surat Pengesahan Diri dan Pengakuan Pegawai (GL) untuk penjawat awam sebagai kaedah alternatif sekiranya terdapat gangguan capaian kepada eGL HRMIS di kaunter hospital/ klinik semasa pegawai hendak mendapatkan rawatan. Maklumat yang terkandung dalam aplikasi ini diambil dari Sistem HRMIS.

Fungsi dalam Aplikasi MyHRMIS eGL:

1. Memaparkan maklumat peribadi, profil perkhidmatan, gaji pegawai.
2. Menjana eGL.
3. Memaparkan maklumat keluarga pegawai.
4. Memaparkan nama, nombor telefon dan alamat hospital/klinik Kerajaan.



Aplikasi myHRMIS Mobil

Aplikasi myHRMIS Cuti, myHRMIS Profil, myHRMIS eGL, myHRMIS SelfCheck dan myHRMIS care adalah satu inovasi baharu di bawah projek myGov Mobil MAMPU. Ia boleh dimuat turun melalui telefon pintar dan tablet yang menggunakan platform Android dan iOS



Aplikasi **myHRMIS Cuti** membolehkan penjawat awam membuat permohonan cuti rehat, menyemak status cuti, menyemak kelayakan cuti, menyokong cuti dan melulus cuti melalui platform mudah alih.

Ciri-ciri yang terdapat dalam Aplikasi MyHRMIS Cuti

1. Pemakluman melalui emel kepada Pegawai Penyokong
2. Notifikasi oleh myHRMIS Cuti melalui telefon bimbit

Fungsi dalam Aplikasi MyHRMIS Cuti:

1. Menyemak Kelayakan Cuti
2. Memohon Cuti
3. Menyokong Cuti
4. Melulus Cuti
5. Menyemak Status Cuti





Aplikasi **myHRMIS Self Check** memberi kemudahan kepada penjawat awam menyemak dan mengetahui status terkini data pegawai yang menyumbang menyemak dan mengetahui status terkini.

Fungsi aplikasi mudah alih ini hanya untuk paparan. Kemas kini perlu dilakukan dalam aplikasi HRMIS. Data yang terpapar adalah data yang dimasukkan oleh Pengurus Sumber Manusia

PEMURNIAN DATA:

REKOD PERIBADI (PR) & PROFIL PERKHIDMATAN (SP)

Menu Pemurnian Data (PR & SP) terdapat fungsi paparan status data bagi 21 elemen di Data Perjawatan, Rekod Peribadi dan Profil Perkhidmatan.

STATUS LNPT

Menu Status LNPT terdapat fungsi paparan status Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) untuk Pegawai Yang Dinilai dan paparan status untuk Pegawai Penilai Pertama dan Pegawai Penilai Kedua (jika mempunyai peranan).

STATUS SKT

Menu Status Sasaran Kerja Tahunan (SKT) terdapat fungsi paparan status SKT untuk Pegawai Yang Dinilai dan paparan status untuk Pegawai Penilai Pertama (jika mempunyai peranan).

PERISYTIHARAN HARTA

Memberi kemudahan kepada pemilik kompetensi untuk membuat semakan maklumat perisytiharan harta terkini yang telah diambil maklum oleh Ketua Jabatan.

PENAMATAN PERKHIDMATAN

Memaparkan maklumat asas persaraan.

'DATA ANDA TANGGUNGJAWAB ANDA'

#jomSelfCheck



Aplikasi mudah alih **myHRMIS Care** menyediakan kemudahan kepada pengguna HRMIS untuk mendapatkan bantuan dan memberi cadangan penambahbaikan, menyemak status aduan serta merujuk soalan-soalan lazim yang disediakan selain mendapatkan pengumuman terkini berkaitan HRMIS.

myHRMIS Care adalah satu aplikasi mobil yang merupakan saluran alternative untuk pengaduan selain emel dan telefon

Ciri-ciri yang terdapat dalam Aplikasi MyHRMIS Care:

1. Pengesanan lokasi pengadu melalui koordinat GPS
2. Maklumat Soalan Lazim
3. Aduan menggunakan kamera telefon untuk mengambil gambar ralat HRMIS
4. Capaian di mana-mana
5. Maklumat pengumuman terkini berkaitan HRMIS

Fungsi dalam Aplikasi MyHRMIS Care:

1. Pengumuman

Memaparkan pengumuman dan promosi terkini berkaitan aktiviti HRMIS

2. Aduan/Semakan Aduan

Menyediakan ruang untuk menyalurkan permasalahan HRMIS yang dihadapi.

3. Cadangan

Menyediakan ruang untuk memberi cadangan atau penambahbaikan berkaitan HRMIS.

4. Soalan Lazim/FAQ

Soalan lazim bagi membantu memberikan maklumat tambahan yang diperlukan.